



KENYATAAN MEDIA BERSAMA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
DAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SESI LIBAT URUS BERSAMA PERSATUAN INDUSTRI PELANCONGAN (UMRAH)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) pada hari ini telah mengadakan sesi libat urus bersama Persatuan Agensi Pelancongan (UMRAH) bagi mendapatkan maklum balas berhubung hala tuju industri umrah susulan daripada keputusan penangguhan sementara yang sedang berkuat kuasa.

Sesi libat urus tersebut telah dikendalikan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin. Turut hadir ialah pengurusan tertinggi kedua-dua kementerian, wakil-wakil agensi persekutuan seperti Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Imigresen Malaysia serta ahli-ahli daripada Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Persatuan Agensi Pelancongan Umrah & Haji (PAPUH), The Malaysian Association of Tour & Travel Agents (MATTA).

Antara perkara yang dibangkitkan oleh pemain industri pelancongan umrah pada sesi perbincangan libat urus petang ini adalah SOP berkaitan pelaksanaan perjalanan umrah, isu bayaran balik dan penjadualan semula penerbangan, perlindungan insurans, garis masa pembukaan semula perjalanan umrah dan bantuan pemulihan kepada industri pelancongan.

Kedua-dua menteri dalam maklumbalas mereka telah menyatakan komitmen untuk memperincikan dan memperhalusi setiap isu serta cadangan yang dikemukakan di peringkat kementerian masing-masing sebelum membentangkan cadangan penambahbaikan kepada Mesyuarat Kuartet Menteri COVID-19 akan datang.

Khusus bagi garis masa pembukaan semula perjalanan umrah, kedua-dua menteri komited untuk memuktamadkan proses penilaian risiko dan SOP perjalanan umrah menjelang pertengahan Februari tahun ini.

Pihak Kerajaan amat prihatin dengan pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pemain industri pelancongan negara. Sehubungan itu, kedua-dua kementerian berharap agar semua pemain industri dapat memberikan kerjasama sepenuhnya bagi memastikan aktiviti umrah dapat terus dilaksanakan dengan selamat.

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

19 Januari 2022